

# TAKAFULINK DANA ASIA

All information as at 31 January 2024 unless otherwise stated


Semua maklumat adalah seperti pada 31 Januari 2024 melainkan jika dinyatakan

## Objective / Objektif Dana

Takafulink Dana Asia aims to provide capital appreciation by investing in Shariah-compliant securities in the Asia Pacific ex-Japan region including Malaysia.

Takafulink Dana Asia bertujuan untuk menyediakan peningkatan nilai modal dengan melabur dalam sekuriti patuh Syariah dalam rantau Asia Pasifik kecuali Jepun termasuk Malaysia.

## Where the Fund invests Komposisi Pelaburan Dana



## Asset Allocation Peruntukan Aset


	% NAV
1 Principal DALI Asia Pacific Equity Growth Fund	97.48
2 Cash, Deposits & Others	2.52

## Fund Details / Maklumat Terperinci Dana

Investment Manager / Pengurus Pelaburan	Prudential BSN Takaful Berhad
Inception Date / Tarikh Diterbitkan	10/05/2021
Current Fund Size / Saiz Dana Terkini	RM1,669,213.66
Annual Fund Management Charge / Caj Pengurusan Dana Tahunan	1.50% per annum
Current NAV / NAB Terkini	RM0.92751

## How the Fund has performed / Prestasi Dana

**Performance Graph / Jaduan Prestasi Dana**  
Takafulink Dana Asia Vs. 30% FTSE Bursa Malaysia EMAS Shariah Index + 70% MSCI AC Asia ex Japan Islamic Index



## Total Price Movement Over the Following Periods / Jumlah Pergerakan Harga Dalam Tempoh Tersebut

	1 month	3 months	6 months	1 year	3 years	5 years	Since Inception
Price Movement / Pergerakan Harga	1.23%	8.67%	2.89%	8.86%	NA	NA	-7.25%
Benchmark / Penanda Aras	-0.27%	7.72%	1.42%	8.76%	NA	NA	-7.22%
Outperformance / Perbezaan Prestasi	1.50%	0.95%	1.47%	0.10%	NA	NA	-0.03%

# TAKAFULINK DANA ASIA

All information as at 31 January 2024 unless otherwise stated

Semua maklumat adalah seperti pada 31 Januari 2024 melainkan jika dinyatakan

## Monthly Update / Laporan Bulanan Terkini

### Fund Review & Strategy

The Fund returned 1.23% for the month, outperforming the benchmark return of -0.27% by 1.50%. Year-to-date, The Fund returned 1.23%, outperforming the benchmark return of -0.27% by 1.50%. For Malaysia Equity, the Target Fund Manager remain positive on the market. They remain constructive on sectors that stand to gain from the NETR, including Utilities, Construction, and Property. Additionally, they remain optimistic on selective Technology due to the ongoing structural growth trends in the sector. Key risks are the derailment of Malaysia's macroeconomic recovery and corporate earnings growth due to the larger-than-expected impact of rising inflation, slower global economic growth, and heightened geopolitical risks. The US Fed has gone from raising rates and tackling inflation in 2023 to calibrating how many rate cuts to implement from 2024 onwards. This should be supportive for equities in terms of multiple expansion provided earnings do not disappoint significantly. In the US Fed's December projections, the median policy rate is expected to decline by 80bps to 4.6% in 2024 and a further 100bps to 3.6% in 2025. The magnitude of rate cuts would highly depend on the inflation and economic growth trajectory, whereby a soft landing is currently expected. In Asia, several themes appear attractive including the recovery of the technology hardware cycle, broad-based growth in India and dividend yielders. While China has turned stimulative in its policies, the efficacies of these policies remain a work-in-progress with recent flip-flops in Internet regulations making the recovery path more opaque. In 2024, the Target Fund Manager would observe how US-China geopolitical tensions evolve especially in an election year in the US. Risks: a) A hard landing in the US b) Geopolitics: US-China tensions which can range from various sanctions, financial markets and military conflicts. The Target Fund Manager remain fully invested and well positioned in the areas of a) bottoming of the tech hardware cycle b) strong private sector confidence in India c) selected global names with resilient demand in the areas of consumption, energy and technology. During the month, they trimmed selected consumer names in India due to the slower than expected recovery with the intention of revisiting these ideas in the coming quarters. They bought an Australia company with exposure to the US housing market and also a global software company for chip designing.

### Tinjauan & Strategi Dana

Dana menjana pulangan 1.23% pada bulan ini, mengatasi pulangan penanda aras -0.27% dengan perbezaan 1.50%. Sejak awal tahun sehingga bulan tinjauan, Dana memperoleh pulangan 1.23%, mengatasi pulangan penanda aras -0.27% dengan perbezaan 1.50%. Bagi Ekuiti Malaysia, Pengurus Dana Sasaran kekal positif tentang pasaran. Ia kekal berpandangan konstruktif ke atas sektor yang berpeluang mendapat manfaat daripada NETR, termasuk Utiliti, Pembinaan dan Hartanah. Selain itu, pengurus kekal optimistik terhadap sebilangan Teknologi berikutan trend struktur pertumbuhan yang berterusan dalam sektor ini. Risiko utama ialah kegelinciran pemulihan makroekonomi Malaysia dan pertumbuhan pendapatan korporat disebabkan oleh kesan kenaikan inflasi yang lebih besar daripada jangkaan, pertumbuhan ekonomi global yang lebih perlahan dan peningkatan risiko geopolitik. Fed US telah beralih daripada menaikkan kadar dan menangani inflasi pada 2023 kepada menentukur jumlah pemotongan kadar faedah yang perlu dilaksanakan mulai 2024 dan seterusnya. Ia sepatutnya menyokong ekuiti dari segi pengembangan berganda asalkan pendapatan tidak mengecewakan secara ketara. Dalam unjuran Fed US pada Disember, kadar dasar median dijangka turun sebanyak 80 bps kepada 4.6% pada 2024 dan 100 bps lagi kepada 3.6% pada 2025. Magnitud pemotongan kadar akan sangat bergantung kepada inflasi dan trajektori pertumbuhan ekonomi, yang mana pendaratan lembut dijangkakan buat masa ini. Di Asia, beberapa tema kelihatan menarik termasuk kitaran pemulihan perkakasan teknologi, pertumbuhan meluas di India dan penghasil dividen. Walaupun China telah bertukar menjadi perangsang terhadap dasarnya, keberkesanan dasar ini kekal dalam perancangan dengan ketidaktentuan peraturan Internet baru-baru ini menjadikan laluan pemulihan lebih rumit. Pada 2024, Pengurus Dana Sasaran akan memerhatikan bagaimana ketegangan geopolitik US-China berkembang terutamanya dalam tahun pilihan raya di US. Risiko: a) Pendaratan keras di US b) Geopolitik: Ketegangan US-China yang boleh terdiri daripada pelbagai sekatan, pasaran kewangan dan konflik ketenteraan. Pengurus Dana Sasaran kekal melabur sepenuhnya dan berada pada kedudukan yang baik dalam cakupan a) tahap terendah kitaran perkakasan teknologi b) keyakinan sektor swasta yang kukuh di India c) saham global terpilih dengan permintaan ke atas bidang penggunaan, tenaga dan teknologi yang mampan. Pada bulan tinjauan, pengurus memangkas sebilangan saham pengguna di India kerana pemulihan yang lebih perlahan daripada jangkaan dengan niat untuk meninjau semula idea ini pada suku akan datang. Pengurus membeli pegangan dalam sebuah syarikat Australia dengan pendedahan kepada pasaran perumahan US dan juga syarikat perisian global yang mereka bentuk cip.

Source / Sumber: Fund Commentary, January 2024, Principal Asset Management Berhad

### Disclaimer

Investments are subject to investment risks including the possible loss of the principal amount invested. The value of the units may fall as well as rise. Past performances of the funds and that of the fund managers are not necessarily indicative of future performance. The price movements indicated are not reflective of the actual return on your investments (which are subject to your premium allocation rate and deduction charges). The actual return on your invested premiums may fluctuate based on the underlying performance of the investment-linked funds. All Takafulink Dana are invested in Shariah-approved securities and/or Islamic private debt securities. This leaflet is for illustrative purposes only. For further details on the terms and conditions, please refer to the policy document. For further details on how you can invest in these funds, please refer to the respective product brochures. In the event of discrepancy between the information in this fact sheet and the policy document, the information in the policy document shall prevail.

Pelaburan adalah tertakluk kepada risiko-risiko pelaburan termasuk kemungkinan kehilangan jumlah wang pokok yang dilabur. Nilai unit mungkin naik ataupun jatuh. Prestasi masa dulu dana-dana atau pengurus-pengurus dana tidak semestinya mencerminkan prestasi masa depan. Pergerakan harga yang ditunjukkan tidak menggambarkan pulangan sebenar pelaburan anda (yang tertakluk kepada kadar peruntukan premium dan caj potongan). Pulangan sebenar ke atas premium yang anda labur mungkin berbeza, bergantung kepada prestasi dana-dana). Semua Takafulink Dana dilaburkan dalam sekuriti yang diluluskan oleh Syariah dan/atau sekuriti hutang swasta Islam. Risalah ini disediakan hanya untuk gambaran semata-mata. Sila rujuk kepada dokumen polisi untuk keterangan lanjut mengenai terma-terma dan syarat-syarat. Untuk keterangan lanjut mengenai bagaimana anda boleh melabur dalam dana-dana ini, sila rujuk kepada risalah-risalah produk yang berkenaan. Jika terdapat perbezaan di antara helaian fakta dan dokumen polisi, maklumat dalam dokumen polisi dianggap muktamad.

# TAKAFULINK DANA ASIA

All information as at 31 January 2024 unless otherwise stated

*Semua maklumat adalah seperti pada 31 Januari 2024 melainkan jika dinyatakan*

**PRUDENTIAL BSN**

**TAKAFUL**